

UMS anjur

Karnival Pertanian

Lestari 8 -10 Nov

DE 5.11.13 6

KOTA KINABALU: Sekolah Pertanian Lestari di Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Karnival Pertanian Lestari dari 8 -10 November di kawasan Pertanian Lestari UMS, Batu 10, Sg. Batang, Sandakan.

Karnival dengan slogan 'Melestarikan Budaya Keusahawanan Pertanian' itu akan diadakan dengan kerja Majlis Daerah Sandakan dan Fama.

Pengisian karnival itu adalah pameran mengenai pendidikan, kajian pertanian, produk pertanian dan haiwan ternakan dari agensi kerajaan dan swasta.

Antara agensi kerajaan yang turut serta adalah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Majlis Daerah Sandakan, Mardi, Fama, Jabatan Pertanian, Perkhidmatan Veterinar dan Industri Asas Tani, Politeknik Sandakan, Mara dan lain-lain.

Karnival itu akan dirasmikan oleh Ketua Menteri Menteri Datuk Seri Musa Haji Aman pada 9 November dan penduduk di Sandakan dijemput untuk menghadiri karnival itu.

Karnival akan dibuka dari jam 9 pagi hingga 10 malam. Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melawat laman sesawang karnival pertanian di www.ums.edu.my/sandakan/kartss atau hubungi pejabat di 088-248100.